

**SEJAUHMANA KEBERKESANAN PERLAKSANAAN SESI
APRESIASI SENI DI SEKOLAH MENENGAH
DALAM PENDIDIKAN SENI**

MOHD SHAMSUL NAZRI BIN ARIFFIN

**KAJIAN ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN ADALAH UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2010

PENGAKUAN

Saya mengaku ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

01 HB. APRIL 2010



(MOHD SHAMSUL NAZRI BIN ARIFFIN)
M20072000734

Buat Isteri Tercinta Razni Binti Abu Seman

Terima kasih tidak terhingga di atas dorongan dan semangat yang diberikan sepanjang tempoh pengajian di peringkat Sarjana ini

Buat Anak-anak Yang Amat Disayangi

Nurul Afiqah, Nurul Asyiqin dan Mohammad Irfan

Buat Ibu dan Bapa serta Mertua

Terima Kasih di atas pengorbanan dan sokongan

Penyelia**Encik Mohd. Noor Bin Mustaffa**

Terima Kasih di atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penulisan ini

Pensyarah-Pensyarah

Prof. Madya Haji Ibrahlim Hassan, Prof. Dr. Tjetjep Rohendi Rohidi, Dr. Ahmad Suhaimi Mohd Noor, Dr. Roskang Jailani

Staf Fakulti Seni Dan Muzik dan Pasca Siswazah UPSI**Saudara Mara Dan Rakan Seperjuangan**

Terima Kasih di atas pertolongan dan sokongan

Terima Kasih Semua

Jasa Kalian Tetap Di Kenang Sepanjang Hayat

ABSTRAK

SEJAUHMANA KEBERKESANAN PERLAKSANAAN SESI APRESIASI SENI DI SEKOLAH MENENGAH DALAM PENDIDIKAN SENI

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan sesi apresiasi seni di sekolah menengah iaitu melihat faktor-faktor pelajar yang mendorong kepada minat dalam pelaksanaan sesi apresiasi. Kajian ini turut melibatkan 165 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar di tiga buah sekolah di Daerah Tumpat. Menerusi kajian literatur yang dijalankan, penyelidik melihat keperluan utama sesi apresiasi seni ini dilakukan di sekolah terutama dalam melatih pelajar berfikir dan berkomunikasi dalam bahasa seni. Dalam masa yang sama menggalakkan kepekaan pancaindera pelajar dalam mempunyai sikap menerima, menolak dan mempunyai eitarasa yang praktikal ke atas sesuatu objek seni atau perkara dalam kehidupan harian mereka. Pelajar di sekolah pada keseluruhannya adalah kreatif, ekspresif dan aktif. Pendidikan Seni Visual memainkan peranan memperkembang sifat-sifat ini melalui persepsi visual, imaginasi dan daya pemikiran. Kegiatan pemikiran, penerokaan dan reka bentuk dalam pelbagai jenis seni visual termasuklah juga aktiviti apresiasi seni akan membolehkan mereka menyatakan idea dan ekspresi diri. Pengalaman ini penting kerana ia membantu pelajar membina keyakinan diri, membuat penilaian dan mengenali cita rasa sendiri. Pada keseluruhan kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengukur darjah pencapaian dan keberkesanan pembelajaran melalui sesi apresiasi. Dapatan-dapatan dari pendekatan ini digunakan untuk membuat suatu generalisasi mengenai keberkesanan sesi apresiasi yang di kaji serta di jadikan asas untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut. Pendekatan kualitatif digunakan untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut dengan lebih terperinci. Pendekatan ini digunakan untuk mendapatkan data daripada pengalaman, pendapat dan pandangan responden yang terlibat dalam kajian ini, serta maklumat daripada sumber yang kedua. Ia juga bersifat penjelasan atau huraian yang natural dan mengutamakan sudut pandangan. Pendekatan ini juga digunakan dengan tujuan memantapkan lagi dapatan analisis daripada pendekatan kuantitatif iaitu melalui soal selidik dan pemerhatian.

ABSTRACT

MEASURING THE EFFECTIVENESS OF IMPLEMENTING ARTS APPRECIATION SESSION AT SECONDARY SCHOOL IN ARTS STUDY

The main objective of this research is to study the effectiveness of arts appreciation session at secondary school, which is to see the factors relating to students that drive the interest in implementing the appreciation session. The research was done based on 165 respondents who are form three students from 3 schools in the District of Tumpat. From the literature review being done, the researcher sees the main need of the arts appreciation session being implemented at school is to train students to think and communicate through the language of arts. At the same time, it encourages the sensitiveness of student's senses in having the attitude of accepting and rejecting as well as having practical taste on an object of art or other matters in their daily life. In general, students are creative, expressive and active. Pendidikan Seni Visual (Visual Arts Study) plays a role in developing these attitudes through visual perception, imagination and thinking. Activities of thinking, exploring and designing in the various genres of visual arts including the art appreciation session will enable students to state their ideas and self-expression. The experience is important as it helps to build self-esteem, to evaluate and to identify the students' own preferences. As a whole, the research uses the quantitative approach to measure the level of achievement and effectiveness of learning through appreciation session. The findings are then used to construct a generalization on the effectiveness of the appreciation session being studied, and as a foundation for further data. The qualitative approach is used to gather further detailed information. This approach is used to gather data from experiences, opinions and views of the respondents involved in the research, as well as data from the second source. It is also a justification in nature or a natural description and emphasizing the perspective of the study. The approach is also used with the intention to strengthen the findings from analysis compared to the qualitative approach which uses the survey and observation method.

KANDUNGAN

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

BAB 1

PENGENALAN

- 1.1 Latar Belakang Kajian
- 1.2 Pernyataan Masalah
- 1.3 Tujuan Kajian
- 1.4 Persoalan Kajian
- 1.5 Kepentingan Kajian
- 1.6 Batasan Kajian
- 1.7 Defmisi Istilah
 - 1.7.1 Apresiasi
 - 1.7.2 Apresiasi Seni Visual
- 1.8 Pengajaran dan Pembelajaran
- 1.9 Keberkesanan

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	13
2.2	Kurikulum Pendidikan Seni	18
2.3	Teori Pembelajaran Pendidikan Seni	22

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	24
3.2	Rekabentuk Kajian	25
3.2.1	Populasi Kajian	26
3.2.2	Persempelan	27
3.3	Sumber Data dan Prosedur Pengumpulan Data	28
3.4	Instrumentasi Alat Kajian	28
3.4.1	Pemerhatian	28
3.4.2	Temubual	28
3.4.3	Semakan Dokumen	29
3.4.4	Senarai Semak	29
3.4.5	Soal Selidik	29
3.5	Data Penyelidikan	31
3.6	Prosedur Kajian	31
3.7	Olahan Data	32
3.7.1	Pengukuran Darjah Pengapaian	32
3.7.2	Data Kuantitatif	33
3.7.3	Data Kualitatif	33

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	34
4.2	Analisa Keberkesanan Sesi Apresiasi	36
4.2.1	Sikap dan Perlakuan Pelajar	36
4.2.2	Pencapaian Dan Kesan Sesi Apresiasi	40
4.2.3	Konsep, Matlamat dan Sesi Apresiasi Seni	43
4.3	Rumusan Pemerhatian	46
4.4	Laporan Temubual	47
4.4.1	Sikap Pelajar Terhadap Sesi Apresiasi	49
4.4.2	Pemahaman Tentang Konsep Sesi Apresiasi	49
4.4.3	Minat Terhadap Sesi Apresiasi Seni	51
4.4.4	Rumusan Keseluruhan Temubual	52
4.5	Laporan Analisis Dokumen	53


BAB 5 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	55
5.2	Rumusan	56
5.3	Perbincangan	59
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	60
5.5	Cadangan Kajian lanjutan	60

SENARAI	RUJUKAN	63
----------------	----------------	-----------

LAMPIRAN

- LAMPIRAN I Jadual Pelaksanaan Pengumpulan Data
- LAMPIRAN II Nota Lapangan
- LAMPIRAN III Senarai Semak
- LAMPIRAN IV Soalan Soal Selidik
- LAMPIRAN V Surat Memohon Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Ke Atas Responden



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pembelajaran pendidikan seni secara umumnya adalah untuk membina keupayaan bagi menghargai dan mendiskriminasi apa yang dilihat oleh mata. Literasi visual ini juga meliputi keupayaan menggunakan bahasa visual bagi membaca dan menghargai imej-imej visual. Keupayaan membaca, membuat interpretasi dan membuat justifikasi secara kritikal, ini termasuklah keupayaan melukis makna melalui berbagai media seni.

Jika dilihat secara lebih mendalam ia meliputi memahami simbol-simbol budaya yang terdapat kepelbagaiannya di ruang lingkup kehidupan manusia secara universal. Disamping keupayaan ini, menerusi Pendidikan Seni juga pelajar diberi peluang untuk membina kemahiran psikomotor dalam berbagai-bagai bidang kemahiran. Begitu juga dengan pembinaan berbagai nilai bagi menyuburkan

domain afektifnya. Ini adalah teras kepada pembelajaran Pendidikan Seni. Mata pelajaran ini perlu memenuhi keperluan pelajar untuk mendapatkan keupayaan dan kemahiran tersebut. Oleh itu tentulah ada cara untuk mengumpul segala maklumat yang berkenaan bagi memastikan sejauh manakah matlamat pelajaran ini berkesan dan telah dilaksana dengan jaya.

Pendidikan Seni Visual bertujuan memberi peluang kepada murid memupuk minat, memperkembang keperibadian, memberi kesedaran dan kepekaan terhadap nilai-nilai kesenian dan alam sekitar serta kaitannya dengan mata pelajaran lain. Pelajar di sekolah pada keseluruhannya adalah kreatif, ekspresif dan aktif. Pendidikan Seni Visual memainkan peranan memperkembang sifat-sifat ini melalui persepsi visual, imaginasi dan daya pemikiran. Kegiatan pemikiran, penerokaan dan reka bentuk dalam pelbagai jenis seni visual akan membolehkan mereka menyatakan idea dan ekspresi diri. Pengalaman ini penting kerana ia membantu pelajar membina keyakinan diri, membuat penilaian dan mengenali cita rasanya sendiri.

Berdasarkan sukatan pelajaran, ia perlu diajar dalam jangka masa enam jam setiap minggu. Abdul Shukor bin Abdullah (2000) dalam Sukatan Pelajaran menjelaskan; Mata Pelajaran ini bertujuan membentuk keperibadian generasi Malaysia yang celik budaya kesenian. Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah merangkumi tajuk-tajuk yang menegaskan penerokaan, proses penghasilan, pengertian seni secara menyeluruh dan aspek kritikan.

Dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran, setiap proses atau langkah pengajaran adalah penting dan mempunyai hubungkait dan peranannya. Bermula daripada set induksi, langkah-langkah pengajaran sehinggalah bahagian penutup dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran tersebut. Dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, setiap sesi pengajaran dan pembelajaran perlu diakhiri dengan apresiasi seni atau penutup pengajaran dan pembelajaran.

Sukatan Pelajaran Kurikulum Seni Visual tingkatan empat, menggariskan organisasi kurikulum ini merangkumi empat aspek utama yang dipentingkan iaitu:

- a. Pemerhatian.
- b. Interaksi yang kritis dan kreatif dengan alat dan bahan.
- c. Apresiasi seni visual.
- d. Menghargai nilai baik dalam semua aspek kehidupan.

Sudah pasti organisasi yang digariskan bertujuan ke arah mencapai matlamat pengajaran mata pelajaran di samping memenuhi hasrat falsafah pendidikan negara. Matlamat untuk melahirkan insan yang harmonis, kritis, kreatif dan produktif menerusi asas seni visual.

Matlamat sukatan pelajaran ini adalah untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran seni visual bagi membolehkan mereka:

- (a) Mengikuti program seni visual atau program yang berkaitan di Institusi Pengajian Tinggi,
- (b) Memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran seni visual dalam kehidupan

dan bidang kerjaya.

Persoalannya, apakah dan bagaimanakah relevannya sesi apresiasi dan kritikan seni dalam Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Bagaimana pula perlaksanaannya di sekolah serta setakat mana kepentingannya kepada semua pihak terutamanya kepada perkembangan pengetahuan pelajar.

1.2 Pernyataan Masalah

Berdasarkan laporan kajian Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2000); Pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Seni ialah satu strategi penting untuk melahirkan para pelajar yang mampu menikmati keindahan dan menghargai hasil seni kreatif dan dapat menghasilkan karya seni untuk dinikmati bersama oleh ahli masyarakat. Namun maklumat awal menunjukkan di kebanyakan sekolah, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni kurang dilaksanakan dengan sepatutnya.

Dalam proses atau sesi apresiasi biasanya ada aktiviti membuat penilaian dan juga kritikan aras mudah. Mungkin dalam masyarakat di negara ini, umumnya persepsi itu membawa maksud negatif kerana kebanyakan orang tidak suka dikritik baik dari segi perbuatan atau cara pemikirannya. Kritikan bunyinya seperti mahu mencari kesalahan atau keburukan. Ini adalah kerana perkataan kritik itu sendiri membawa beberapa maksud. Dalam konsep ini ia telah disalah ertikan. Pengalaman sendiri, saya pernah mendengar guru Pendidikan Seni menyatakan

sesi akhir pengajarannya sering tidak dibuat apresiasi bimbang murid kecil hati atau kurang bersemangat apabila dikritik oleh kawan-kawan yang lain. Malah hanya akan membuat kelas akhirnya kucar-kacir dan bising. Tidak kurang juga yang memberi alasan masa agak terhad. Di mana silapnya? Mungkin ini adalah satu budaya atau cara berfikir yang perlu difikirkan semula. Bagaimana jikalau pemikiran itu sedang atau telah menular dalam kalangan murid-murid ?

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui dan mengenal pasti;

- i. Mengkaji keberkesanan sesi apresiasi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah berdasarkan pengalaman mengajar guru,
- ii. Konsep apresiasi seni dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah.
- iii. Persepsi pelajar terhadap sesi apresiasi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah.
- iv. Pendapat guru terhadap sesi apresiasi seni dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.
- v. Peranan sesi apresiasi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Bagaimanakah amalan pelaksanaan sesi apresiasi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah berdasarkan pengalaman mengajar guru ?
- ii. Bagaimanakah konsep apresiasi seni dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah?
- iii. Apakah persepsi (sikap) pelajar terhadap sesi apresiasi seni dalam pengajaran dan pembelajaran & Pendidikan Seni Visual di sekolah?
- iv. Apakah kepentingan sesi apresiasi seni dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah.

1.5 Kepentingan Kajian

Dapatan daripada kajian di harap dapat menjadi garis panduan kepada beberapa pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan seni.

1.5.1 Pihak guru

Hasil kajian ini di harap dapat membantu pihak guru dalam menyediakan modul yang bersesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah kerana dengan penyediaan rancangan atau modul yang bersesuaian akan dapat mempertingkatkan daya kreativiti dan dapat mengolah idea dengan lebih matang.

Menurut Read (1956), guru-guru tidak hanya mengajar pelajar untuk mengetahui, sepatutnya pada masa yang sama turut mengajar pelajar untuk

nencipta. Ini kerana setiap pelajar mempunyai potensi untuk menjadi lebih kreatif dan produktif.

1.6 Batasan Kajian

Kajian akan terbatas di sekolah menengah Daerah Tumpat. Pengkaji memilih sekolah dalam lingkungan lokasi yang berdekatan di mana lokasinya dikategorikan sebagai luar bandar dan sederhana. Maka kalangan guru dan murid-murid juga adalah dari kalangan sekolah tersebut. Pemilihan ini diharapkan dapat membantu pergerakan, tempoh masa diambil, kos dan kalangan budaya serta latar belakang masyarakat sekitar yang dikenali bagi memudahkan komunikasi.

1.7 Definisi Istilah

Sebelum membincangkan lebih jauh lagi adalah perlu bagi pengkaji menjelaskan dahulu pengertian atau istilah yang menjadi kata pokok topik penulisan ini.

1.7.1 Apresiasi

Ringkasnya, Kamus Oxford Fajar pula menjelaskan definisi berkaitan dalam konteks ini, iaitu; 'appreciation' bermaksud kenyataan (terutama sekali yang bertulis) tentang kualiti karya, seni, kehidupan seseorang; penghayatan. Sementara

menurut Kamus Dwibahasa, 'appreciate'¹ ; menghargai, menikmati. 'appreciation' pula adalah penghormatan, penghargaan, penilaian.

Perkataan 'appreciate' didefinisikan dalam The Dictionary Of Art, "...to perceive the quality, significance, monetary worth etc. of a person or thing. To be fully aware of or sensitive to.." Sementara 'art appreciation' dijelaskan dalam Academic Dictionary of Arts sebagai .. "the introduction of basic principles of visual literacy especially the means to analyzing form whether with or without reference to subject matter, symbolism or historical context to general audiences for the purpose of enhancing their enjoyment of works of art..." Menjelaskan; apresiasi sebagai melihat kualiti, signifikan atau nilai harga sesuatu atau seseorang, menyedari atau peka ke atas sesuatu. Apresiasi seni pula disebut sebagai pengenalan kepada prinsip asas bahasa tampak terutamanya simbolisme , dalam konteks sejarah atau khalayak umum untuk tujuan meningkatkan keseronokan ke atas karya seni.

Mohd Johari Abdul Hamid (2004) menyatakan ; Apresiasi atau penghayatan merupakan salah satu aktiviti melihat dan menghargai serta menilai sesuatu karya seni. Kritikan juga merupakan satu proses 'membaikpulihkan' karya seni yang telah siap agar ia kelihatan lebih baik dan bermutu.

Berdasarkan kata perilaku memahami, menghayati dan menghargai, jelas sekali makna perkataan apresiasi bertumpu kepada penguasaan perilaku dalam domain afektif yang menekan kepada aspek perasaan, emosi, sikap dan cara penyesuaian diri. Maka di sini apabila disebut sebagai sesi apresiasi sebenarnya menjelaskan satu tempoh atau masa yang memerlukan keupayaan perasaan, emosi

atau sikap pelajar dalam memahami, menghayati dan menghargai sesuatu rekaan seni. Ia mungkin melibatkan pelajar membuat kritikan atau membuat penilaian ke atas aspek olahan dan idea tentang hasil kerja masing-masing dengan tujuan melihat kekuatan, kelemahan atau kebijaksanaan pengolahannya berdasarkan pengajaran di bilik darjah atau pengalaman kontekstualnya. Aspek yang dilihat mungkin olahan warna, rupa, garisan umpamanya serta keupayaannya menyampaikan idea dalam kerja seninya.

1.7.2 Apresiasi Seni Visual

Keupayaan bakat dan potensi pelajar boleh juga dikenalpasti dan kemudian diperkembangkan melalui pernyataan dan unsur efektif, terdapat 2 jenis aktiviti utama apresiasi. Aktiviti apresiasi yang dirancang khas untuk projek apresiasi dan yang dirancang di akhir setiap pengajaran selama sepuluh minit. Dalam melaksanakan sesi apresiasi ini perkara berikut perlu diambil perhatian dalam pemerhatian guru;

- i. Aspek bahasa yang berkaitan dengan istilah seni seperti sifat garisan, jalinan, warna, ton, rupa, bentuk dan bentuk.
- ii. Aspek bahasa yang berkaitan dengan kandungan dan hal benda.
- iii. Aspek bahasa yang berkaitan dengan manipulasi, alat bahan dan teknik.
- iv. Penghargaan hasil kerja dan menghormati pembuat karya.

- v. Perasaan, penghargaan dan refleksi diri.
- vi. Penyerapan pengetahuan dan penerapan nilai yang berkaitan dengan kandungan.

Berdasarkan bidang yang tersenarai, pemerhatian yang direka bukan hanya untuk menilai kebolehan pelajar menghargai dan apresiasi hasil seni semata-mata. Penerapan dan penilaian pelajar terhadap unsur-unsur apresiasi merentas semua aspek disiplin dan menjurus ke arah pembentukan insan yang seimbang dan menghargai persekitaran mereka. Kemahiran berbahasa dapat diperkembangkan melalui interaksi antara rakan, bahan dan persekitaran. Umpamanya, jika ada pelajar yang menyatakan, " saya sukakan kerja seni ini sebab sajian warnanya terang dan rata". Maka bagi membolehkan seseorang itu menghargai atau membuat apresiasi ke atas sesuatu seni visual, ia perlu dapat membuat kritikan seni.

Dalam sesi apresiasi , aktiviti kritikan berlaku agak spontan dan ringkas yang mengambil masa dalam 5-10 minit. Lazimnya dilakukan di akhir pengajaran merangkumi sesi penutup. Umumnya, kritikan seni adalah perbincangan bertulis atau penghuraian tentang karya seni visual. Biasanya ia berkaitan dengan kritikan tentang aspek estetik atau teori keindahan. Salah satu matlamatnya ialah untuk mengetahui prinsip yang rasional kepada apresiasi seni itu sendiri. Oxford Fajar menyatakan definisi '*critic*' di sini ialah orang yang menilai dan menghuraikan kualiti sesuatu terutama sekali karya seni. '*Criticism*' dalam kamus DwiBahasa pula membawa maksud hasil penulisan pengkritik sastera mengenai seni dan lain-lain, kritikan; pendapat, timbangan , ulasan, analisa, huraian) mengenai seni dan lain-

lain. Namun, dalam konteks ini ia akan lebih merujuk kepada maksud atau tujuan membuat refleksi ke atas aktiviti dan hasil kerja seni masing-masing.

1.8 Pengajaran dan Pembelajaran

Konsep pengajaran dijelaskan dengan pelbagai defmisi (Shaiifah Alwiah, 1983; Teuku Iskandar, 1986; Yaxley, 1991). Sharifah Alwiah menganggap Pengajaran sebagai aktiviti atau proses kerana apabila mengajar, aktiviti seperti menyoal, menerangkan, mendengar, menggalakkan sesuatu, dan berbagai-bagai aktiviti lain akan berlaku. Sharifah Alwiah juga menganggap pengajaran sebagai suatu proses komunikasi walaupun tidak semua aktiviti pengajaran merupakan komunikasi antara guru dengan pelajar. Yaxley berpendapat, pengajaran merupakan satu tindakan yang bertujuan untuk membawa perubahan dari segi kepercayaan, nilai dan makna. Yaxley juga melihat pengajaran sebagai aktiviti intelek yang melibatkan pemikiran, perasaan dan penilaian. Selain itu, pengajaran juga boleh dimaksudkan sebagai perbuatan mengajar atau apa yang diajarkan (DBP, 1994) atau perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar seperti cara atau sistem mengajar atau aspek yang dipentingkan dan sebagainya. Pengajaran melibatkan aktiviti mengajar yang dilakukan oleh guru semasa menyampaikan isi kandungan pelajaran pada hari yang berkenaan.

Pembelajaran

Pembelajaran adalah proses atau kegiatan belajar (Teuku Iskandar, 1986) yang berlaku dalam pelbagai bentuk (Schunk, 1991). Menurut Schunk, pembelajaran melibatkan pemerolehan dan pengubahsuaian pengetahuan, kemahiran, strategi, kepercayaan dan tingkah laku. Pembelajaran juga merupakan perubahan tingkah laku atau kebolehan untuk menunjukkan perlakuan yang dikehendaki hasil daripada latihan ataupun pelbagai bentuk. Pembelajaran merupakan perubahan dari segi kecenderungan atau kemampuan seseorang yang diperoleh dalam masa yang panjang dan bukannya dikuasai secara mudah mengikut proses pertumbuhan seseorang.

1.9 Keherkesanan

Pengukuran kepada hasil pembelajaran pendidikan seni di sekolah.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Beberapa penulisan yang berkaitan pengajaran apresiasi dan aktiviti kritikan seni akan dijelaskan bagi meninjau tentang isu berkaitan atau bagaimana keperluan pengajaran apresiasi seni kepada murid-murid dilaksanakan dalam pendidikan.

Menurut Mohd Johari Abdul Hamid (2004) dalam penulisannya/*Falsafah dan Kritikan Seni*, pengajaran dan pembelajaran itu berlaku sepanjang masa. Setiap individu atau masyarakat mengalami proses ini samada secara formal atau tidak formal. Formal apabila ia berlaku di institusi pendidikan atau sekolah. Sementara tidak formalnya apabila ia melalui didikan di rumah oleh satu generasi ke satu generasi. Menurutnya, satu aspek penting yang tidak disedari telah berlaku

ketika proses ini berkembang ialah proses apresiasi dan kritikan. Dalam 'Metodologi Pendidikan Seni Visual', Mohd Johari Abdul Hamid (2006) juga ada menulis, Sebenarnya dalam kritikan seni kita berjaya membantu keupayaan pelajar melihat dan menghayati, bukan sekadar memandang sahaja. Keupayaan melihat dengan lebih teliti boleh membina kualiti yang lebih bererti tentang dunia persekitarannya yang menarik dengan hasil kerja-kerja seni yang formal.

Dalam penulisan 'Art Criticism and Education', Theodore F.Wolf dan George Geahigan (1997) menulis , "art criticism enables the student to empathize with and respond intelligently to works of art, goes to the very heart of what creative, responsive art experiences are all about." Mereka yang mempunyai latarbelakang pendidikan dalam bidang Seni Kritikan dan Teori Pendidikan telah banyak melahirkan seniman yang berbakat , menggesa pendidik seni perlu lebih teliti dengan falsafah serta nilai estetiknyanya dan menyampaikan ilmu berkaitan Kritikan dan Pendidikan Seni dengan lebih berkesan.

Menurut Md. Nasir Ibrahim (2006), pendekatan Discipline-Based Art Education (DBAE) menggabungkan konsep dan aktiviti daripada disiplin seni iaitu penghasilan seni, sejarah seni, kritikan seni dan estetik untuk hasil pengajaran yang lebih efektif. DBAE mengandaikan bahawa keupayaan kita menghasilkan karya secara bijak memerlukan bukan sahaja keupayaan menghasilkan sesebuah karya seni dan juga kesedaran tentang kesukaran menghasilkan seni, tetapi juga keupayaan membiasakan diri dengan sejarah seni, prinsip-prinsip membuat kritikan tentang seni, dan juga keupayaan kita berhadapan dengan isu-isu yang berkaitan

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Beberapa penulisan yang berkaitan pengajaran apresiasi dan aktiviti kritikan seni akan dijelaskan bagi meninjau tentang isu berkaitan atau bagaimana keperluan pengajaran apresiasi seni kepada murid-murid dilaksanakan dalam pendidikan.

Menurut Mohd Johari Abdul Hamid (2004) dalam penulisannya/Falsafah dan Kritikan Seni, pengajaran dan pembelajaran itu berlaku sepanjang masa. Setiap individu atau masyarakat mengalami proses ini samada secara formal atau tidak formal. Formal apabila ia berlaku di institusi pendidikan atau sekolah. Sementara tidak formalnya apabila ia melalui didikan di rumah oleh satu generasi ke satu generasi. Menurutnya, satu aspek penting yang tidak disedari telah berlaku